

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Malaysia

Kurikulum Standard Pengajian Liberal

Disusun oleh:

Jawatankuasa Kurikulum Bersama

Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina
Malaysia

December 2021

Kandungan

1. Pendahuluan	1
2. Matlamat Umum	1
3. Literasi Teras	2
4. Idea	8
5. Matlamat Kurikulum	9
6. Struktur Kurikulum	11
7. Kandungan Kurikulum	15
8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran	26
9. Cadangan Pentaksiran	29
10. Pelaksanaan	36
11. Lampiran	
Lampiran 1: Domain Kognitif, Psikomotor dan Afektif	38

1. Pendahuluan

‘Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi’ merupakan visi pendidikan yang disarankan dalam ‘Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)’; visi pendidikan ini adalah untuk menjadikan SMPC sebagai syurga pembelajaran di mana guru dan pelajar ceria menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan di SMPC sihat dan aktif menjalankan pembelajaran. Pelajar SMPC bukan sekadar dapat bersaing di tanah air sendiri, malah juga dapat bertanding di arena antarabangsa, pendidikan SMPC menjamin masa depan mereka. Objektif pembaharuan pendidikan ini adalah untuk memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti sendiri. Usaha ini untuk melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai sendiri, berani menerokai, berinovasi, berani menyaht cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, mereka juga dapat mewujudkan kebahagiaan dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan. Demi melaksanakan dan menerapkan visi dan objektif yang dibincangkan di atas, Jawatankuasa Kurikulum Bersama telah mengemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC (disingkatkan dengan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum seterusnya) pada Mac 2020 untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pembaharuan dan pengembangan kurikulum SMPC.

Matlamat pembaharuan pendidikan SMPC adalah melahirkan ‘insan pembelajaran sepanjang hayat’, pembaharuan pendidikan ini juga menitikberatkan kandungan kurikulum setiap mata pelajaran dan mewujudkan peluang untuk pembelajaran merentas kurikulum, demi memupuk pelajar untuk belajar sendiri, kerjasama dan berkomunikasi serta keterlibatan dalam sosial. Standard kurikulum setiap mata pelajaran digubal mengikut prinsip dan hala tuju yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum dan memperbaiki idea, objektif, literasi, struktur kurikulum dan kandungan pelajaran, cadangan pengajaran dan pembelajaran dan cadangan pentaksiran yang terkandung dalam standard kurikulum. Dari aspek pelaksanaan kurikulum, haruslah menitikberatkan keanjalan dan pilihan, menggalakkan pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan inkuiri dan sebagainya; dari aspek pentaksiran, menggalak menggunakan pelbagai jenis penilaian supaya dapat membangunkan kepelbagaian potensi pelajar. Penggubalan standard kurikulum SMPC hendaklah selaras dengan visi Pelan Induk Pendidikan SMPC dan cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum demi pembangunan kurikulum setiap mata pelajaran di SMPC.

2. Matlamat Umum

Pendidikan SMPC adalah satu usaha yang berkesinambungan iaitu selain mewarisi kebudayaan Cina, ia juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti sendiri. Usaha ini adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai sendiri, berani menerokai, berinovasi, berani menyaht cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, mereka juga mampu melahirkan kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan.

2.1. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR)

- a. Membina pelajar mencapai pembangunan secara holistik dan beridentiti sendiri dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik.
- b. Memupuk pelajar berkemampuan untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya mempunyai kelengkapan untuk pembelajaran sendiri.
- c. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar untuk mengejar prestasi yang cemerlang.
- d. Membina pelajar untuk bersikap positif dan proaktif dalam menghadapi kehidupan.
- e. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaian budaya, beridentiti kenegaraan, dan berperspektif global.

2.2. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT)

- a. Membangunkan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik supaya membuat persiapan menceburi dalam bidang kerjaya dan keusahawanan, pembelajaran dan kehidupan pada masa hadapan.
- b. Membangunkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran sendiri serta memupuk keinginan mencari ilmu, berkemahiran berfikir, berkemampuan mengkritik, kreatif dan berinovasi.
- c. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta insan sedunia.
- d. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri, serta berkeyakinan menghadapi masa hadapan dan berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan pengalihan era.
- e. Memupuk pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara, dapat menghormati kepelbagaian budaya serta berperspektif global.
- f. Mengadakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya, supaya pelajar dapat belajar dan berkomunikasi dalam masyarakat yang berlainan budaya.

3. Literasi Teras

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum digubal berasaskan sembilan literasi teras, iaitu enam literasi teras yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC dan ditambahkan lagi tiga literasi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Literasi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, kemampuan nilai dan sikap. Kandungan literasi teras ini akan diuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMT dan TMR.

Rajah 1
Struktur Literasi Teras



Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC iaitu melahirkan insan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga konsep, iaitu belajar sendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam sosial. Setiap konsep merangkumi tiga tunjang, kandungan setiap tunjang diterangkan di Jadual 1.

Jadual 1*Kandungan Literasi Teras dan Imej Pelajar TMR dan TMT*


Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
A. Belajar Kendiri	A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental serta perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengaplikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan untuk penyesuaian dalam setiap peringkat kehidupan yang dikejar demi kesihatan fizikal dan mental, bersikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan.	Mempunyai kesedaran perkembangan fizikal dan mental yang sihat, penghayatan nilai positif termasuk keindahan dan harga diri untuk berkongsi pengalaman kehidupan, menghayati keindahan hidup dan makna hidup.	Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kesucian manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan sendiri untuk melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.	Individu yang Sayang kepada Diri Sendiri
	A2. Penggunaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi	Berkemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan komunikasi dan berinteraksi supaya mendapat manfaat secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengatasi rintangan yang dihadapi.	Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi.	Berkemampuan mengaplikasikan penggunaan simbol komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat kongsi pengalaman dan pendapatan serta memanfaatkan kreativiti untuk menyelesaikan masalah.	Individu yang Berpengetahuan
	A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	Berkemahiran menerokai, mengkritik dan menaakul, serta berinovasi, menguasai kemahiran pembelajaran sendiri untuk menangani masalah dalam kehidupan harian serta membuat keputusan yang sewajarnya dalam perubahan masyarakat sosial.	Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran sendiri, menerokai, mengkritik dan menaakul serta berinovasi dalam penggunaan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu kehidupan.	Mempunyai kemahiran aras tinggi untuk menerokai, mengkritik, menaakul serta berinovasi dengan lebih mendalam untuk memupuk pembelajaran sendiri, pada masa yang sama dapat menerokai bidang lain, dan dapat menyelesaikan masalah harian dan cabaran kehidupan.	Individu yang Berkemampuan dalam Penyelesaian Masalah

Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
B. Berkomunikasi dan Bekerjasama	B1. Sikap Gigih dan Nilai Positif	Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan kehidupan harian dan pembelajaran, sedar akan kepentingan tanggungjawab sosial, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi penderitaan atau rintangan, dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik.	Menerokai nilai diri sendiri dan nilai persekitarannya, mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif.	Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, menerokai antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menangani konflik dan mengamalkan nilai dan bersikap positif berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi penderitaan dan rintangan.	Individu yang Mempunyai Kasih Sayang
	B2. Kepemimpinan dan Berpasukan	Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang, berkemampuan berkomunikasi dan koordinasi, menyertai aktiviti sosial dan perkhidmatan serta kerjasama berpasukan.	Berkemampuan mengurus sendiri dan mempunyai tabiat yang baik, suka tolong-menolong, menjalinkan hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan.	Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, serta meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerjasama berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugas.	Individu yang Dapat Kerja Berpasukan
	B3. Literasi Bahasa dan Berkomunikasi	Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat antarabangsa, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik di pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan.	Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkatkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis, sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi.	Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi kegunaan dalam pembelajaran dan kerjaya pada masa depan.	Individu yang Berkemampuan Komunikasi

Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
C. Keterlibatan dalam Sosial	C1. Sikap Nilai dan Kemanusiaan	Berakhlak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara.	Berakhlak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang.	Mengambil berat tentang isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi dan mengambil berat terhadap masyarakat, memantau isu-isu semasa daripada pelbagai sudut.	Individu yang Bersikap Terbuka
	C2. Identiti Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya	Beridentiti budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagai budaya dalam negara, bangga sebagai rakyat Malaysia, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara.	Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat isu hal negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan perkhidmatan.	Beridentiti budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan negara demi kebahagiaan manusia.	Individu yang Bersemangat Patriotik
	C3. Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	Mengambil berat isu global dan keadaan antarabangsa, serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan manusia masa depan, berkonsep pembangunan lestari dan menghargai sumber bumi.	Mengenali isu global dan keadaan antarabangsa, dapat meluahkan pendapat terhadap isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan menghargai sumber bumi, mengambil berat isu alam sekitar dan isu masyarakat.	Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan antarabangsa, dapat berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan manusia masa depan, menyertai kempen melindungi persekitaran dan aktiviti menegakkan keadilan sosial.	Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari

Rajah 2

Hubungan antara Konsep dengan Literasi Teras dan Objektif Pendidikan



4. Idea

Fenomena berikut telah wujud di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) untuk masa yang lama: pertama, kekurangan fleksibiliti dalam kurikulum aliran berbeza telah mengakibatkan perkembangan literasi pelajar yang kurang holistik; kedua, kekurangan amalan sosial dalam subjek sains sosial, dengan ramai pelajar TMT masih kurang pemahaman asas tentang isu sosial, etnik dan negara pada masa mereka tamat pengajian; dan ketiga, kekurangan atau ketidakcukupan pendidikan sivik dalam jangka masa yang panjang telah menyebabkan perbezaan yang ketara dalam pengetahuan sivik pelajar dan kekurangan keinginan untuk mengambil tindakan.

Dalam persekitaran sosial semasa, terdapat orang ramai keliru, bimbang, mempercayai secara buta tuli dan salah sangka dengan jumlah maklumat yang terlalu banyak dalam era maklumat ini, ia telah menunjukkan kepentingan pemikiran rasional, sifat inkuiri dan celik maklumat. Pada masa yang sama, globalisasi telah menjadikan dunia lebih terhubung, tetapi pencabulan hak asasi manusia, ketidaksamaan dan kemiskinan masih mengancam keamanan dan pembangunan mampan, ini mencerminkan keperluan untuk membangunkan perspektif kewarganegaraan global, untuk menghubungkan individu dengan dunia, dan memberi perhatian kepada isu-isu global. Di dalam negara, proses peralihan demokrasi selepas peralihan kuasa, penurunan had umur mengundi, dan perubahan politik yang kerap telah menyerlahkan keperluan untuk mengukuhkan kesedaran demokrasi dan pengetahuan kewarganegaraan rakyat. Dalam kes remaja, insiden buli rakan sebaya, konflik perhubungan dan kecederaan diri sering dilaporkan; kebanyakan tingkah laku ini berkaitan dengan impulsif, ketidakupayaan untuk menghadapi emosi yang sengit, dan kurang empati. Ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan kemahiran sosial dan emosi seperti kesedaran dan pengurusan emosi, serta keupayaan untuk berempati dan mengambil berat terhadap orang lain.

Kurikulum Pengajian Liberal ialah jawapan untuk masalah dan fenomena yang dinyatakan di atas. Melalui kurikulum ini, pelajar dapat meneroka isu dan pengetahuan dengan berliterasi maklumat, mengintegrasikan pengetahuan dari pelbagai bidang, belajar dan meneroka secara sendiri, kreatif dan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, serta membangunkan pemahaman dan membuat keputusan yang berasaskan pengetahuan dan pemikiran sendiri. Dari segi pengurusan emosi dan interaksi interpersonal, pelajar dapat mengenali, menerima dan bertindak balas terhadap emosi mereka sendiri dan orang lain; berempati dan mengambil berat terhadap orang lain; menjalin dan mengekalkan hubungan yang positif dan mesra dengan orang lain; dan bertanggungjawab terhadap perkataan dan perbuatan mereka sendiri. Dalam menghadapi isu-isu sosial dan global, pelajar dapat membincangkan isu-isu awam secara aktif, mengambil bahagian dalam hal ehwal awam, memahami dan mempraktikkan hak dan kewajipan mereka, serta menegakkan, melaksanakan dan menggalakkan nilai-nilai positif. Dalam menghadapi pelbagai perspektif, pelajar dapat menghormati dan memahami antara satu sama lain melalui dialog, bekerjasama dengan orang lain, mencari persefahaman atau penyelesaian bersama, menangkap peluang dan menghadapi cabaran semasa dan masa depan. Kesimpulannya, pelajar dapat membangunkan kehidupan peribadi dan sosial yang lebih baik dan positif serta menyumbang kepada masyarakat yang sama rata, terbuka, demokratik, majmuk dan mampan.

Kurikulum Pengajian Liberal merangkumi “Diri dan Komuniti”, “Warganegara dan Masyarakat”, “Negara dan Kerajaan”, “Komuniti, Alam Sekitar dan Ekologi” dan “Dunia Kontemporari dan Globalisasi”. Dalam skop pembelajaran ini, pelajar dapat memperoleh gambaran

tentang sifat dan perkaitan pelbagai jenis pengetahuan dan fenomena dengan menggunakan idea besar seperti sistem dan model, perubahan, hubungan sebab dan akibat, perbezaan dan kepelbagaian, dsb.

Kurikulum ini menekankan pembelajaran berorientasikan literasi dan pembelajaran merentas disiplin, dengan kesedaran, refleksi, perasaan, inkuiri, dialog, penyertaan, amalan dan kolaborasi sebagai proses pembelajaran yang penting; dan kepelbagaian, empati, muhasabah diri, keprihatinan, penghormatan dan kelestarian sebagai nilai afektif yang penting.

5. Matlamat Kurikulum

5.1. Matlamat Umum Pengajian Liberal

- Memupuk pelajar supaya berkemahiran berfikir dan berkemampuan untuk mengintegrasikan, mentafsir dan menilai maklumat.
- Membangunkan keupayaan untuk belajar merentasi bidang, mengintegrasikan pelbagai jenis pengetahuan, serta berfikir dan bertindak balas kepada pelbagai isu kontemporari.
- Memupuk keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan, menyatakan idea dan pendapat dengan jelas, serta belajar dan berkembang bersama melalui dialog.
- Memupuk nilai sejagat, menghormati kepelbagaian, memahami, bertoleransi dan menghargai budaya dan perspektif yang berbeza, serta memberi perhatian dan sokongan kepada kumpulan yang memerlukan
- Memupuk kesedaran sivik, mengukuhkan keupayaan untuk mengambil bahagian dalam demokrasi, bersedia untuk bersuara dan bertindak demi keadilan, serta memberi perhatian kepada isu-isu komuniti, sosial dan global.
- Membangunkan kesedaran diri dan keupayaan untuk menangani emosi, mempunyai empati terhadap orang lain, serta menggalakkan masyarakat yang bersefahaman antara satu sama lain.

5.2. Keselarasan Matlamat Kurikulum dengan Literasi Teras:

Literasi Teras		Matlamat Kurikulum	
		Pada peringkat akhir pembelajaran, pelajar dapat:	
A Belajar Kendiri	A1 Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	CO1	Memahami dan menerima diri sendiri, berkeyakinan dengan harga diri, dan meneroka erti kehidupan. Merancang dan menentukan hala tuju kehidupan melalui penerokaan, analisis dan pemilihan. Mengetahui cara untuk menemui, menghayati dan berkongsi keindahan orang dan benda dalam kehidupan, meningkatkan kekayaan dan pengalaman estetika kehidupan, dan mencipta kehidupan yang bahagia melalui peningkatan sendiri.
	A2 Penggunaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi	CO2	Menggunakan simbol seperti bahasa, teks, gambar rajah, imej dan bahasa badan, serta alat maklumat dan teknologi untuk mengintegrasikan pengetahuan dalam bidang yang berbeza, berkongsi pengalaman, fikiran, emosi, nilai dan

			kepercayaan, menggalakkan interaksi dan komunikasi, dan mencadangkan idea dan penyelesaian yang inovatif.
	A3 Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	CO3	Bertindak balas dan menyelesaikan pelbagai isu dan cabaran dalam kehidupan seharian melalui pemikiran, inkuiri, pengalaman dan refleksi, serta meneroka isu komuniti, sosial dan juga global. Berkeupayaan untuk belajar sendiri, menguasai kaedah pembelajaran, berinovasi dan boleh menyesuaikan diri mengikuti perkembangan zaman, dan meneroka bidang yang tidak diketahui.
B Komunikasi dan Bekerjasama	B1 Sikap Gigih dan Nilai Positif	CO4	Memahami, menghormati, bertolak ansur dan menghargai kepelbagaian budaya dan perspektif yang berbeza, serta memberi perhatian dan sokongan kepada kumpulan yang memerlukan. Mengenal diri sendiri, mengenal pasti jangkaan sosial dan menunjukkan keunikan diri. Boleh berdialog secara rasional, peka terhadap emosi dan perasaan diri dan orang lain, dan menangani konflik secara positif. Boleh membuat pertimbangan dengan jelas dan sesuai, menghadapi cabaran dan merebut peluang.
	B2 Kepemimpinan dan Berpasukan	CO5	Berinteraksi, berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain secara terbuka, empati dan inklusif untuk mencapai persefahaman bersama. Menyelesaikan tugas melalui kerja berpasukan. Melibatkan diri dalam penyertaan sosial dan hal ehwal awam, mengintegrasikan pendapat yang berbeza, serta merancang dan melaksanakan pelan tindakan dengan berkesan.
	B3 Literasi Bahasa dan Berkomunikasi	CO6	Berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dan menghargai adat resam dan budaya pelbagai kumpulan etnik. Menggunakan cara berkomunikasi yang sesuai untuk menyatakan pendapat dengan jelas dan boleh belajar dan berkembang bersama melalui dialog.
C Keterlibatan dalam Sosial	C1 Sikap Nilai dan Kemanusiaan	CO7	Memberi perhatian kepada isu komuniti, sosial dan global, sentiasa bermuhasabah diri, bersifat empati dan berbaik dengan orang lain. Menyatakan diri secara rasional, menghargai dan menerima perspektif yang berbeza, menjalankan dialog untuk bersefahaman antara satu sama lain, memahami isu-isu awam dari pelbagai perspektif,

			bersuara dan bertindak demi keadilan, dan menunjukkan keprihatinan terhadap masyarakat.
	C2 Identiti Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya	CO8	Meneliti identiti yang terbentuk, menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya. Mempunyai kesedaran sivik, memahami dan melaksanakan hak, kewajipan dan tanggungjawab warganegara. Mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan masyarakat dan negara, mengekalkan keharmonian negara, dan menggalakkan perpaduan nasional.
	C3 Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	CO9	Memberi perhatian kepada isu global dan situasi antarabangsa, mengemukakan pandangan sendiri dan membincangkannya. Mengamalkan gaya hidup yang menggalakkan pembangunan mampan dan mengambil bahagian secara aktif dalam perlindungan alam sekitar dan hal ehwal awam yang berkaitan dengan alam sekitar, ekonomi dan sosial.

6. Struktur Kurikulum

6.1. Reka Bentuk Kurikulum

Pengajian Liberal ialah kurikulum wajib bagi pelajar TMT. Ia merupakan mata pelajaran pengetahuan umum dengan jumlah 12 jam kredit. TMT bertempoh 3 tahun, 4 jam kredit perlu diambil untuk setiap tahun akademik, setiap tahun akademik dibahagikan kepada 2 semester, iaitu pelajar dikehendaki mengambil 2 jam kredit setiap semester. Masa pengajaran dan pembelajaran setiap tahun akademik ialah 40 minggu, bermakna masa pengajaran dan pembelajaran setiap semester ialah 20 minggu. Waktu pembelajaran bagi Pengajian Liberal ialah 2 waktu seminggu, dan setiap waktu mengambil masa 40 minit.

Jadual 2

Pengagihan Jam Kredit Pengajian Liberal TMT

Tahun Akademik	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga	
Semester	Semester 1	Semester 2	Semester 1	Semester 2	Semester 1	Semester 2
Jam Kredit	4		4		4	

6.2. Idea Reka Bentuk

Perancangan dan reka bentuk kurikulum ini adalah berdasarkan prinsip berikut:

a. Pembelajaran Berasaskan Isu

Skop pembelajaran merangkumi “Pengenalan kepada Pengajian Liberal”, “Diri dan Komuniti”, “Warganegara dan Masyarakat”, “Negara dan Kerajaan”, “Komuniti, Alam Sekitar dan Ekologi”, dan

“Dunia Kontemporari dan Globalisasi”. “Pengenalan kepada Pengajian Liberal” berfungsi sebagai tema teras pertama untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran pembelajaran merentas disiplin dan pembelajaran berasaskan isu, termasuk pemikiran rasional dan celik maklumat, kesedaran dan ekspresi emosi, serta dialog dan kolaborasi, untuk memudahkan pembelajaran tema teras yang lain.

Lima tema teras seterusnya akan membawa pelajar meneroka isu individu, kumpulan, komuniti, masyarakat, negara dan dunia, dan akan disambung daripada soalan utama berikut:

Tema Teras	Soalan Utama
Diri dan Komuniti	Siapakah saya? Adakah saya memahami diri sendiri? Apakah hubungan saya dengan orang lain? Bagaimanakah saya boleh mengambil bahagian dalam masyarakat?
Warganegara dan Masyarakat	Apakah jenis masyarakat yang kita hidup dalam? Bagaimanakah kita boleh menyumbang kepada masyarakat yang lebih baik?
Negara dan Kerajaan	Bagaimanakah kita boleh mengambil bahagian dalam politik? Bagaimanakah negara dan kerajaan berfungsi? Bagaimanakah kita boleh menyumbang kepada kemajuan negara?
Komuniti, Alam Sekitar dan Ekologi	Adakah saya memahami komuniti saya? Apakah isu alam sekitar dan ekologi dalam persekitaran kita? Bagaimanakah kita boleh hidup bersama dan makmur bersama dengan alam semula jadi?
Dunia Kontemporari dan Globalisasi	Apakah isu utama di dunia pada masa ini? Bagaimanakah saya memahami dan mengambil bahagian dalam isu-isu tersebut?

Terdapat tema, perkara dan pernyataan yang sepadan di bawah setiap tema teras (merujuk kepada “Standard Kandungan”). Pernyataan dikemukakan dalam bentuk soalan untuk menekankan kepentingan penyediaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan untuk menimbulkan rasa ingin tahu pelajar, serta menggalakkan pelajar untuk meneroka pelbagai isu dan fenomena. Guru boleh menyesuaikan soalan mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran secara fleksibel.

b. Memudahkan integrasi antara disiplin dan pemindahan pembelajaran

Pembelajaran merentas disiplin bukan sahaja menguasai pengetahuan dalam pelbagai bidang, ia juga termasuk cara untuk mengendalikan pengetahuan, mengintegrasikan pengalaman pembelajaran dalam pelbagai bidang, melihat masalah dari pelbagai perspektif, dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari. Reka bentuk kurikulum yang menggunakan “idea besar (big idea)” adalah berbeza daripada pelajaran yang disampaikan melalui fakta yang banyak, dan mengelakkan pengetahuan yang diperoleh secara berpecah-belah, serta memudahkan integrasi antara disiplin dan pemindahan pembelajaran. Apakah “idea besar”? Idea besar merujuk kepada prinsip umum dalam bidang yang berbeza. Ia ialah sesuatu yang melangkaui batasan disiplin, dan jika pelajar dapat memahami logik di sebaliknya, dia akan tahu apa logiknya apabila berhadapan dengan situasi yang sama, dan dia boleh memindahkan pembelajaran dengan mudah. Ia boleh menghubungkan pengetahuan serpihan ke dalam konteks melalui prinsip tertentu dan menjanakan makna.

Setiap bidang atau subjek mempunyai konsep teras. “Idea Besar” merujuk kepada bahagian dengan makna yang sama diekstrak daripada konsep teras pelbagai bidang atau subjek, dan konsep superordinat yang dicari. Sebagai contoh, perubahan topografi dalam Geografi, pertukaran dinasti dalam Sejarah, perubahan sosial dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, perubahan fizikal

dan mental dalam Aktiviti Bimbingan, perubahan fasa dalam Kimia, dan perubahan permintaan dan penawaran dalam Ekonomi telah menunjukkan konsep superordinat (idea besar) ialah “perubahan”.

Idea besar adalah abstrak dan tidak mudah difahami, dan pelajar perlu ditanya soalan dan dibimbing untuk membuat refleksi supaya dapat memahaminya. Pelajar boleh mendapatkan gambaran tentang konteks sesuatu melalui idea besar, dan boleh memindahkan, mengubah dan mengaplikasikannya pada situasi lain.

Idea besar yang boleh diguna untuk kurikulum Pengajian Liberal ialah:

Idea Besar	Definisi
Corak	Sesuatu yang berlaku secara teratur dan berulang.
Perhubungan	Keadaan di mana lebih daripada dua orang atau benda disambungkan.
Kuasa	Keupayaan seseorang individu atau kumpulan untuk menyebabkan sesuatu berlaku (mengawal atau mempengaruhi orang lain).
Identiti	Individu mengesahkan identiti mereka, percaya bahawa mereka mempunyai identiti yang sama dengan ahli kumpulan mereka, dan bersetuju dengan orientasi nilai dan sikap hidup kumpulan, akhirnya melahirkan rasa kekitaan dan menganggap diri mereka sebahagian daripada kumpulan.
Hubungan Sebab dan Akibat	Perhubungan antara peristiwa pertama (yang menyebabkan) dan peristiwa seterusnya (akibat), di mana peristiwa seterusnya adalah difahami sebagai satu akibat daripada peristiwa pertama.
Pilihan dan Tanggungjawab	Apabila individu atau organisasi mengejar pembangunan atau mengambil bahagian dalam hal ehwal, mereka mesti membuat pilihan yang sesuai dan mengambil tanggungjawab yang sewajarnya.
Perbezaan dan Kepelbagaian	Fenomena di mana individu dan kumpulan berbeza dari segi persekitaran hidup, masyarakat, budaya dan lain-lain.
Hak dan Kewajipan	Warganegara mempunyai hak yang mereka ada di sisi undang-undang, dan secara relatifnya juga mempunyai tanggungjawab yang mereka perlu melaksanakan mengikut undang-undang.
Sistem dan Model	Sekumpulan komponen yang berinteraksi atau bergantung antara satu sama lain yang beroperasi mengikut peraturan yang tertentu untuk membentuk keseluruhan.
Struktur dan Fungsi	Susunan atau organisasi komponen yang saling berkaitan untuk membentuk fungsi tertentu.
Kestabilan dan Perubahan	Sistem berubah mengikut masa, yang mengakibatkan perubahan beberapa faktor; keadaan stabil dicapai apabila faktor dalam sistem kekal tidak berubah.
Interaksi dan Pertalian	Interaksi dan perkaitan antara manusia, benda dan persekitaran.

c. Mementingkan pengalaman tempatan dan hubungan dengan kehidupan sebenar

Kurikulum harus berdasarkan pengalaman hidup pelajar dan sumber tempatan untuk merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai. Pengajaran dan pembelajaran harus dibawa ke dalam situasi kehidupan sebenar, untuk menghubungkan pelajar kepada isu atau fenomena, dan merangsang keinginan untuk meneroka dan belajar.

d. Menggalakkan pembinaan ilmu melalui dialog

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, guru digalakkan untuk mewujudkan ruang dialog yang terbuka, sama rata, bebas, saling menghormati dan ikhlas, dan untuk mengintegrasikan pengalaman, pemikiran dan persepsi semua orang, untuk membantu pelajar membina pengetahuan melalui dialog, seperti dialog antara guru dan pelajar, dan dialog antara pelajar. Guru harus mengamalkan sikap terbuka terhadap keputusan, bagi menggalakkan pelajar untuk belajar sendiri dan meneroka.

e. Mengekalkan fleksibiliti untuk autonomi pengajaran

Organisasi kurikulum dan proses pembelajaran boleh dikendalikan secara fleksibel mengikut sumber sekolah, ciri komuniti, keadaan guru dan keadaan pelajar (termasuk pengalaman pembelajaran, perkembangan fizikal dan mental, pengalaman hidup, aliran yang berbeza, dan lain-lain). Fleksibiliti ini adalah untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar yang pelbagai, autonomi pengajaran guru, dan ciri-ciri sekolah dan komuniti. Tiada susunan pembelajaran yang tetap dalam setiap tema teras, dan setiap tema teras adalah saling berkaitan, dengan isu dalam tema teras yang berbeza boleh dipelajari secara bersiri atau berasingan. Kandungan pembelajaran boleh diselaraskan dan disusun semula mengikut situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar.

7. Kandungan Kurikulum

7.1. Standard Kandungan

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
Pengenalan kepada Pengajian Liberal	1. Memahami Pengajian Liberal	1.1. Konotasi dan Ciri-ciri Kurikulum	1.1.1. Apakah Pengajian Liberal? Mengapakah perlu belajar Pengajian Liberal? 1.1.2. Pembelajaran berasaskan isu 1.1.3. Pembelajaran merentas disiplin
		1.2. Matlamat Kurikulum	1.2.1. Matlamat umum Pengajian Liberal 1.2.2. Matlamat kurikulum Pengajian Liberal dan literasi teras
		1.3. Kandungan Kurikulum	1.3.1. Gambaran keseluruhan dan penerangan tema teras 1.3.2. Kaedah dan sikap pembelajaran
	2. Mengembangkan Kemahiran Belajar	2.1. Berfikir dan Inkuiri	2.1.1. Fakta dan pendapat 2.1.2. Kaedah dan sikap berfikir 2.1.3. Prasangka dan kesesatan berfikir 2.1.4. Metakognisi 2.1.5. Kaedah dan proses inkuiri 2.1.6. Celik Media
			2.2.1. Kesedaran emosi 2.2.2. Ekspresi emosi 2.2.3. Pengurusan emosi
			2.3.1. Kepentingan, elemen dan kaedah dialog 2.3.2. Kepentingan, elemen dan kaedah kolaborasi
Diri dan Komuniti	1. Penerokaan dan Perkembangan Diri	1.1. Kenali Diri	1.1.1. Bagaimanakah “diri” ditakrifkan? Bagaimanakah identiti “diri” membentuk dan mempengaruhi saya? 1.1.2. Bagaimanakah saya menangani kesunyian dan masa persendirian? 1.1.3. Apakah persepsi saya tentang kematian? Bagaimanakah saya menghadapi kematian orang tersayang?
		1.2. Imej Badan	1.2.1. Bagaimanakah saya melihat badan saya? Apakah faktor yang mempengaruhi persepsi saya terhadap badan saya? 1.2.2. Dari kehidupan dan media, apakah perspektif majoriti terhadap badan? Adakah perspektif ini menyokong imej badan yang sihat?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
		1.3. Penerokaan Kehidupan	1.3.1. Apakah perbezaan antara saya dari dahulu dan saya pada masa sekarang? Apakah jenis orang yang saya mahu menjadi pada masa hadapan? 1.3.2. Apakah fikiran saya mengenai nilai dan makna hidup saya? Bagaimanakah pemahaman ini membimbing saya untuk membuat rancangan dan pilihan tentang kehidupan remaja saya?
	2. Pengurusan Perhubungan	2.1. Keluarga	2.1.1. Apakah peranan dan tanggungjawab dalam keluarga? 2.1.2. Bagaimanakah peranan saya dalam keluarga dan hubungan saya dengan ahli keluarga saya akan berubah pada peringkat yang berbeza? 2.1.3. Bagaimanakah keluarga asal dan saya mempengaruhi satu sama lain? 2.1.4. Bagaimanakah ahli keluarga menangani konflik atau perselisihan faham?
		2.2. Cinta, Persahabatan dan Perhubungan Romantis	2.2.1. Bagaimanakah cara saya meluahkan rasa suka dan cinta? 2.2.2. Apakah sempadan dalam perhubungan yang berbeza? 2.2.3. Apakah kesan perbezaan dan ketidaksempurnaan dalam perhubungan?
		2.3. Hubungan Pasangan, Perkahwinan dan Keibubapaan	2.3.1. Apakah yang saya faham tentang hubungan pasangan/perkahwinan/keibubapaan? 2.3.2. Apakah tanggungjawab hubungan pasangan/perkahwinan/keibubapaan? 2.3.3. Bagaimanakah masyarakat, budaya, agama dan undang-undang mempengaruhi hubungan pasangan/perkahwinan/keibubapaan?
	3. Mengenali Sosialisasi	3.1. Sosialisasi	3.1.1. Bagaimanakah kita menjadi “makhluk sosial”? Apakah agen utama sosialisasi? 3.1.2. Apakah peranan sosial kita? Bagaimanakah untuk menangani konflik antara peranan tersebut? 3.1.3. Apakah jenis dan kaedah interaksi sosial? Apakah kesan yang diberikan mereka? 3.1.4. Apakah itu “resosialisasi”? Siapakah yang perlu menjalani proses resosialisasi? Apakah jenis resosialisasi?
		3.2. Tingkah Laku Menyimpang dan Kawalan Sosial	3.2.1. Apakah itu tingkah laku menyimpang? Bagaimanakah untuk mengenal pasti dan menentukan tingkah laku menyimpang? 3.2.2. Apakah itu kawalan sosial? Apakah bentuk kawalan sosial? 3.2.3. Adakah kawalan sosial wajar?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
Warganegara dan Masyarakat	1. Keadilan Sosial dan Hak Asasi Manusia	1.1. Keadilan	1.1.1. Mengapakah keadilan dalam masyarakat sangat penting? 1.1.2. Bagaimanakah keadilan dalam masyarakat mempengaruhi kita? 1.1.3. Bagaimanakah keadilan dapat dicapai?
		1.2. Perlindungan dan Pelaksanaan Hak Asasi Manusia	1.2.1. Bagaimanakah konvensyen hak asasi manusia antarabangsa dan organisasi hak asasi manusia menegakkan hak asasi manusia? 1.2.2. Bagaimanakah perlembagaan kita melindungi hak asasi manusia? Bagaimanakah negara kita melaksanakan konvensyen hak asasi manusia antarabangsa?
		1.3. Ideal dan Realiti Hak Asasi Manusia	1.3.1. Apakah isu hak asasi manusia di negara kita dan masyarakat antarabangsa? 1.3.2. Apakah cabaran terhadap hak asasi manusia secara realiti? Apakah yang perlu dilakukan apabila menghadapi cabaran?
	2. Perbezaan dan Kesaksamaan	2.1. Stratifikasi Sosial	2.1.1. Apakah itu stratifikasi sosial? Bagaimanakah stratifikasi dimanifestasikan dalam sumber ekonomi, modal budaya, modal sosial dan kuasa politik? 2.1.2. Apakah maksud dan kepentingan mobiliti sosial? Apakah faktor dan sekatan yang mempengaruhi mobiliti sosial? 2.1.3. Bagaimanakah kita boleh menyokong golongan rentan dalam masyarakat?
		2.2. Kumpulan Etnik	2.2.1. Apakah itu kumpulan etnik? Apakah kumpulan etnik yang terdapat dalam masyarakat kita? 2.2.2. Bagaimanakah kita memahami kumpulan etnik dan budaya yang berbeza? 2.2.3. Bagaimanakah kumpulan etnik dan budaya yang berbeza boleh berkembang secara sama rata, hidup bersama dan makmur bersama?
		2.3. Gender	2.3.1. Apakah itu gender? Apakah gender yang berbeza dalam kehidupan kita? 2.3.2. Bagaimanakah kita memahami perbezaan gender? 2.3.3. Apakah isu-isu berkaitan gender di negara kita dan masyarakat antarabangsa? 2.3.4. Bagaimanakah kita boleh mencapai kesaksamaan gender dalam masyarakat?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
	3. Gerakan Sosial dan Penentangan	3.1. Gerakan Sosial	3.1.1. Apakah itu gerakan sosial? Mengapakah pergerakan sosial berlaku? 3.1.2. Apakah gerakan sosial yang penting dalam negara dan tahap antarabangsa? Bagaimanakah pergerakan sosial mempengaruhi kita?
		3.2. Ketidakpatuhan Sivil	3.2.1. Apakah itu ketidakpatuhan sivil? Apakah kepentingannya? 3.2.2. Apakah gerakan ketidakpatuhan sivil yang telah berlaku di dalam dan luar negara? Apakah kesan yang dibawanya?
Negara dan Kerajaan	1. Pembentukan Negara	1.1. Negara Moden	1.1.1. Apakah itu negara moden? Apakah unsur-unsur terbentuknya sebuah negara? 1.1.2. Bagaimanakah Perlembagaan Persekutuan Malaysia mencerminkan asas pembentukan negara dan pembahagian kuasa?
		1.2. Pembentukan Kerajaan	1.2.1. Apakah ciri-ciri sistem pemerintahan moden? Apakah persamaan dan perbezaan antara sistem pemerintahan di Malaysia dengan negara demokrasi yang lain? 1.2.2. Bagaimanakah kuasa perundangan, kehakiman dan eksekutif mempengaruhi tadbir urus negara? 1.2.3. Bagaimanakah pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan di Malaysia? 1.2.4. Apakah kesan politik kepartian terhadap pembangunan negara dan sosial?
		1.3. Identiti Kebangsaan	1.3.1. Bagaimanakah identiti kebangsaan terbentuk? Apakah cabaran yang akan dihadapi dalam proses pembentukan identiti? 1.3.2. Bagaimanakah dasar awam negara mempengaruhi rakyat Malaysia? 1.3.3. Bagaimanakah kita boleh bertindak balas terhadap dasar awam?
	2. Kedaulatan Undang-undang dan Sistem Perundangan	2.1. Kedaulatan Undang-undang	2.1.1. Apakah kedaulatan undang-undang? Apakah itu “rule of man”? Apakah perbezaan antara keduanya? 2.1.2. Apakah hubungan antara kedaulatan undang-undang dan kuasa awam?
		2.2. Sistem Perundangan	2.2.1. Bagaimanakah undang-undang digubal, dipinda dan dimansuhkan? 2.2.2. Apakah tujuan negara menggunakan hukuman? 2.2.3. Apakah maksud jenayah? Bagaimanakah hukuman untuk jenis jenayah yang berbeza ditentukan? 2.2.4. Apakah fungsi dan kuasa polis, pendakwa raya dan hakim? Bagaimanakah hak mangsa dan defendan dilindungi?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
	3. Ideal dan Realiti Masyarakat Demokratik	3.1. Keterlibatan Warga Negara	3.1.1. Adakah pilihan raya penting? Mengapakah ia penting? Mengapakah kita perlu mengundi? 3.1.2. Apakah perbezaan sistem pilihan raya di Malaysia berbanding dengan negara lain? 3.1.3. Bagaimanakah NGO mengambil bahagian dalam masyarakat?
		3.2. Media dan Demokrasi	3.2.1. Bagaimanakah kebebasan media berkaitan dengan masyarakat demokratik? Apakah peranan media dalam masyarakat demokratik? 3.2.2. Bagaimanakah pemilikan media dan proses penghasilan maklumat mempengaruhi pembentukan pendapat umum? 3.2.3. Apakah hak akses media? Apakah ketidaksamaan yang terdapat dalam akses media dan representasi media?
Komuniti, Alam Sekitar dan Ekologi	1. Komuniti yang Kita Hidup Dalam	1.1. Penerokaan Komuniti	1.1.1. Apakah ciri-ciri komuniti saya? Apakah kaedah yang boleh saya gunakan untuk meneroka dan belajar? 1.1.2. Apakah isu-isu komuniti yang perlu diberi perhatian? Apakah yang boleh saya lakukan?
	2. Isu-isu Alam Sekitar dan Ekologi	2.1. Pencemaran dan Kerosakan Alam Sekitar	2.1.1. Apakah pencemaran dan kerosakan alam sekitar utama yang kita hadapi? 2.1.2. Bagaimanakah kita boleh bertindak balas dari peringkat individu hingga ke peringkat masyarakat?
		2.2. Krisis Iklim	2.2.1. Apakah itu krisis iklim? Bagaimanakah krisis iklim berkaitan dengan kehidupan saya? 2.2.2. Bagaimanakah negara kita dan masyarakat antarabangsa menangani krisis iklim? 2.2.3. Bagaimanakah krisis iklim boleh menjejaskan kehidupan masa depan saya? Bagaimanakah saya boleh bersedia untuk ini?
		2.3. Mengenali Ekologi Semula Jadi	2.3.1. Apakah persekitaran semula jadi di sekeliling saya? Apakah ciri-ciri mereka? 2.3.2. Apakah pengalaman dan pemahaman yang saya dapat dalam proses meneroka alam semula jadi? Apakah makna dan nilai alam kepada kita?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
Dunia Kontemporari dan Globalisasi	1. Teknologi dan Masyarakat	1.1. Maklumat dan Media	1.1.1. Apakah saluran yang saya gunakan untuk menerima maklumat? Apakah perubahan antara media masa dahulu dan sekarang? 1.1.2. Bagaimanakah teknologi maklumat mempengaruhi kehidupan kita? 1.1.3. Apakah itu celik maklumat dan media? Mengapakah celik maklumat dan media penting kepada kita?
		1.2. Teknologi dan Kehidupan	1.2.1. Bagaimanakah teknologi mempengaruhi kehidupan kita dan masyarakat? Apakah pandangan dan tafsiran saya mengenai kesan ini? 1.2.2. Apakah pandangan lazim mengenai kesan teknologi yang perlu diberi perhatian? Bagaimanakah saya melihat dan menilai pandangan tersebut dan menghasilkan pendapat diri sendiri? 1.2.3. Apakah perubahan yang boleh saya buat dalam kehidupan untuk menghadapi kesan negatif teknologi? Apakah andaian yang sesuai boleh saya reka untuk mengatasi kesan negatif tersebut?
	2. Ekonomi dan Masyarakat	2.1. Ekonomi dan Kehidupan	2.1.1. Dari manakah datangnya produk di rak beli-belah? Siapakah yang menentukan jenis produk yang perlu dihasilkan? Adakah produk ini yang paling kita perlukan? 2.1.2. Sebagai seorang pengguna, apakah kesan pilihan penggunaan dan tabiat saya terhadap masyarakat, alam sekitar dan kesihatan?
		2.2. Ekonomi dan Pembangunan Mampan	2.2.1. Bagaimanakah kita mentakrifkan taraf hidup yang tinggi? Bagaimanakah kita menentukan dan menimbang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi? 2.2.2. Bolehkah kita membina dunia yang lebih adil melalui perdagangan? Apakah jenis perjanjian, peraturan dan perundangan yang boleh menggalakkan perdagangan yang adil?
	3. Globalisasi dan Warga Negara Global	3.1. Globalisasi dan Penempatan	3.1.1. Apakah fenomena atau isu yang timbul dalam proses globalisasi dalam kehidupan kita? 3.1.2. Apakah kesan fenomena dan isu globalisasi? 3.1.3. Apakah kesan globalisasi? Bagaimanakah kesan ini berkaitan dengan kehidupan kita? 3.1.4. Bagaimanakah kita bertindak balas terhadap kesan globalisasi?

Tema Teras	Tema	Perkara	Pernyataan
		3.2. Konvensyen dan Organisasi Antarabangsa	3.2.1. Organisasi antarabangsa yang manakah berkaitan dengan isu-isu kontemporari? 3.2.2. Apakah kesan yang dibawa oleh organisasi ini? Apakah cabaran yang dihadapi mereka? 3.2.3. Konvensyen antarabangsa yang manakah berkaitan dengan isu-isu kontemporari? Bagaimanakah konvensyen antarabangsa mempengaruhi pembangunan negara? 3.2.4. Bagaimanakah negara kita melaksanakan konvensyen antarabangsa yang telah ditandatangani? Apakah cabaran yang dihadapi?
		3.3. Warga Negara Global	3.3.1. Dalam era globalisasi, apakah maksud “warga negara global”? 3.3.2. Bagaimanakah kita boleh memenuhi kewajipan dan tanggungjawab kita sebagai warga negara global?
		3.4. Isu-isu dan Trend Global	3.4.1. Apakah isu-isu semasa yang dihadapi dunia? Bagaimanakah isu-isu ini mempengaruhi kita? 3.4.2. Apakah cabaran yang akan dihadapi oleh dunia pada masa hadapan? Bagaimanakah kita boleh bersedia untuk ini?

7.2. Standard Pembelajaran

Domain	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
Perkara	Ca Pengetahuan Faktual dan Konseptual	Pa Pembelajaran Sosial dan Emosi	Aa Kesedaran Emosi dan Keprihatinan Empati
	Cb Pengetahuan Prosedural	Pb Dialog dan Kolaborasi	Ab Pemikiran Rasional dan Celik Maklumat
	Cc Pengetahuan Metakognitif	Pc Penyelesaian Masalah dan Amalan	Ac Tanggungjawab Sosial dan Literasi Kemanusiaan

7.3. Penerangan Standard Pembelajaran

Domain	Perkara	Pernyataan
Kognitif (C)	Ca Pengetahuan Faktual dan Konseptual	I. Menguasai pengetahuan faktual tentang fenomena, elemen, butiran dan lain-lain. II. Menguasai pengetahuan konseptual tentang istilah, konsep, prinsip, generalisasi, teori dan lain-lain.
	Cb Pengetahuan Prosedural	I. Menguasai kaedah literasi maklumat dan pemikiran logik II. Menguasai kaedah pembelajaran sosial dan emosi III. Menguasai kaedah dialog dan kolaborasi
	Cc Pengetahuan Metakognitif	I. Meneliti dan membuat refleksi mengenai definisi dan tafsiran fenomena dan isu dalam bidang dan disiplin yang berbeza, menyimpulkan andaian dan kepercayaan di belakangnya, dan kemudian mengintegrasikan pengetahuan dan perspektif yang berbeza ini untuk membentuk pemahaman yang lebih menyeluruh. II. Menyedari dan meneliti sudut pandangan yang berbeza daripada diri sendiri, orang lain dan dunia luar tentang fenomena dan isu, menyimpulkan andaian dan kepercayaan di belakangnya, dan kemudian mengenal pasti perbezaan dan hubungan antara satu sama lain untuk membentuk semula perspektif melalui refleksi.
Psikomotor (P)	Pa Pembelajaran Sosial dan Emosi	I. Menyedari dan mengenal pasti emosi, membenarkan dan menerima naik turun dan manifestasi emosi, mempunyai keupayaan untuk meluahkan dan mengurus emosi dengan mengambil kira diri sendiri, orang lain dan situasi, serta bertanggungjawab terhadap perkataan dan perbuatan diri sendiri. II. Berkeupayaan untuk berempati dan mengambil berat tentang pemikiran, perasaan, dan situasi orang lain melalui perkataan dan tindakan, serta menjalin dan mengekalkan hubungan yang positif dan mesra dengan orang lain.
	Pb Dialog dan	I. Boleh menyatakan pandangan diri secara teratur

Domain	Perkara	Pernyataan
	Kolaborasi	dan logik serta disokong oleh hujah, sambil boleh memahami ungkapan orang lain dengan betul, dan menggalakkan pemahaman dengan menjelaskan pandangan masing-masing. II. Mengenali ciri-ciri ahli pasukan, mencari model kerjasama pasukan, menerima dan mengintegrasikan pendapat yang berbeza, menengahi konflik dan menyelesaikan tugas bersama-sama.
	Pc Penyelesaian Masalah dan Amalan	I. Dapat menangani masalah dengan cara yang betul, termasuk menemui dan mentakrifkan masalah, mengumpul dan menganalisis data, membuat rumusan dan refleksi, dan sebagainya. II. Dapat merangka dan melaksanakan pelan tindakan yang munasabah dan sesuai, menyemak keberkesanan tindakan, dan membuat cadangan penambahbaikan apabila perlu.
Afektif (A)	Aa Kesedaran Emosi dan Keprihatinan Empati	I. Bersedia untuk menangani emosi diri sendiri dan orang lain, menerima kejadian dan luahan emosi, meneroka konotasi emosi, dan menegaskan nilai dan kepentingan emosi kepada seseorang. II. Bersedia untuk berempati dan menghormati pemikiran, perasaan dan situasi orang lain, serta memberi penjagaan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan.
	Ab Pemikiran Rasional dan Celik Maklumat	I. Bersedia untuk mengetepikan prasangka peribadi, meneliti fakta, konsep dan fenomena dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan kritikan dan inkuiri. II. Bersedia untuk menyemak dan menilai maklumat yang diperlukan, membezakan kesahihan daripada kepalsuan, membetulkan kepalsuan, dan menyebarkan maklumat yang benar dan munasabah.
	Ac Tanggungjawab Sosial dan Literasi Kemanusiaan	I. Bersedia untuk mengambil berat, membincangkan atau mengambil bahagian dalam pelbagai isu awam dalam masyarakat, negara dan juga dunia, mengetahui dan bertekad untuk mengamalkan tanggungjawab dan kewajipan sivil dan sosial, serta menjunjung semangat kelestarian dan kemakmuran bersama. II. Bersedia untuk mengamalkan dan mempromosikan nilai dan kepercayaan yang positif dan sejagat berdasarkan pemahaman, menghormati perbezaan dan pelbagai perspektif, dan menyedari kewujudan dan nilai manusia.

Guru harus menggunakan standard kandungan dan standard pembelajaran secara fleksibel dengan mengikut situasi pembelajaran pelajar untuk membina objektif pembelajaran yang sesuai. Berikut ialah contoh penggunaan standard kandungan dan standard pembelajaran.

Contoh Hubungan antara Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran (1)

Standard Pembelajaran Standard Kandungan	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
	CaI	PbI	AbI
	Menguasai pengetahuan faktual tentang fenomena, elemen, butiran dan lain-lain.	Boleh menyatakan pandangan diri secara teratur dan logik serta disokong oleh hujah, sambil boleh memahami ungkapan orang lain dengan betul, dan menggalakkan pemahaman dengan menjelaskan pandangan masing-masing.	Bersedia untuk mengetepikan prasangka peribadi, meneliti fakta, konsep dan fenomena dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan kritikan dan inkuiri.
Tema Teras: Diri dan Komuniti 3.1.1. Bagaimanakah kita menjadi “makhluk sosial”? Apakah agen utama sosialisasi?	Mengenali proses sosialisasi dan agen utamanya	Boleh membincangkan proses sosialisasi dengan orang lain dan merumuskan agen utama sosialisasi	Bersedia untuk meneliti proses sosialisasi dan agen utamanya dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan inkuiri

Contoh Hubungan antara Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran (2)

Standard Pembelajaran Standard Kandungan	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
	CbI	PbII	AbII
	Menguasai kaedah literasi maklumat dan pemikiran logik	Mengenali ciri-ciri ahli pasukan, mencari model kerjasama pasukan, menerima dan mengintegrasikan pendapat yang berbeza, menengahi konflik dan menyelesaikan tugas bersama-sama.	Bersedia untuk menyemak dan menilai maklumat yang diperlukan, membezakan kesahihan daripada kepalsuan, membetulkan kepalsuan, dan menyebarkan maklumat yang benar dan munasabah.
Tema Teras: Negara dan Kerajaan 1.2.1. Apakah persamaan dan perbezaan antara sistem pemerintahan di Malaysia dengan negara demokrasi yang lain?	Mengetahui cara mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi yang berbeza	Berkeupayaan untuk bekerja sebagai satu pasukan untuk mengintegrasikan idea dan mengenal pasti persamaan dan perbezaan sistem pemerintahan demokrasi yang berbeza	Bersedia untuk menyemak maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi dengan teliti, mengenal pasti kebenaran dan hanya berkongsi maklumat yang relevan dan betul selepas pengesahan

*Kotak merah merujuk kepada objektif pembelajaran yang dibina selepas penggunaan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran Pengajian Liberal menekankan konsep pembelajaran berorientasikan literasi dan pembelajaran merentas disiplin supaya melahirkan pelajar yang berkemahiran belajar sendiri, berkomunikasi dan bekerjasama, dan keterlibatan dalam sosial. Guru harus menguasai prinsip pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut minat dan gaya pembelajaran, kecerdasan pelbagai dan latar belakang budaya pelajar.

Dari segi teknik pengajaran, guru harus menggunakan pelbagai alatan teknologi maklumat dengan baik untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Mereka juga harus menguasai penggunaan teknologi dan alatan pengajaran dalam talian dan pembelajaran gabungan, serta mahir dalam menggunakan pelbagai platform, perisian, aplikasi telefon pintar dan sebagainya untuk menggalakkan pembelajaran dan interaksi antara guru dan pelajar. Selain itu, guru juga harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah, serta menggunakan sepenuhnya sumber dan alatan luar bilik darjah supaya pembelajaran luar bilik darjah dapat dijalankan dengan berkesan.

Guru digalakkan untuk menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan isu, dan mementingkan perkaitan antara pembelajaran bilik darjah dan situasi kehidupan sebenar. Guru mengamalkan konsep pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan berperanan sebagai pendorong, pembimbing dan fasilitator dalam proses pembelajaran, untuk memupuk pelajar supaya bersikap ingin tahu, berkemahiran memerhati dan berfikir, dapat merasai dunia sebenar serta mengambil inisiatif untuk menerokainya.

Berikut ialah senarai kaedah pengajaran dan reka bentuk kurikulum yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berorientasikan literasi dan merentas disiplin.

8.1. Kaedah Pengajaran

a. Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri

Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri ialah cara pemikiran saintifik. Guru membimbing pelajar untuk menemui masalah, mengenal pasti masalah, mengemukakan hipotesis, merangka rancangan yang boleh digunakan, memilih rancangan yang paling sesuai, mengesahkan hipotesis dan membuat kesimpulan. Pedagogi berasaskan inkuiri ialah pendekatan berorientasikan proses, ia menekankan pembelajaran melalui penemuan. Oleh itu, penemuan masalah ialah kunci kepada aktiviti pembelajaran berasaskan inkuiri. Walaupun terdapat pelbagai model pembelajaran berasaskan inkuiri, prinsipnya adalah serupa. Secara umumnya, proses inkuiri harus merangkumi aspek utama berikut:

- i. Membangkitkan soalan: Aktiviti pembelajaran boleh merangsang rasa ingin tahu pelajar tentang fenomena atau isu, dan soalan inkuiri boleh dikenal pasti dengan bertanya soalan daripada guru atau pelajar.
- ii. Mengumpul maklumat: Pelajar boleh mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber berdasarkan soalan inkuiri.
- iii. Menganalisis maklumat: Setelah maklumat telah dikumpul, pelajar boleh meneliti, menyusun dan menganalisis maklumat mengikut soalan inkuiri.

- iv. Berkongsi penemuan: Pelajar boleh berkongsi dan membincangkan penemuan, pemahaman dan pengalaman yang diperoleh dengan orang lain.
- v. Membuat rumusan dan refleksi: Pelajar boleh mengaplikasi dan memindahkan pemahaman yang diperoleh kepada kehidupan atau situasi baharu. Pelajar menyemak proses inkuiri dan boleh membuat penambahbaikan dan pelarasan. Refleksi boleh dilakukan pada peringkat akhir, atau ia boleh diulang dalam semua peringkat.

b. Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

Pembelajaran berasaskan pengalaman ialah proses pembelajaran yang membina pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui pengalaman. Pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan kemudian menganalisis pengalaman mereka untuk mendapatkan pengetahuan dan pandangan yang boleh mereka gunakan dalam kehidupan seharian mereka. Kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman yang dicadangkan oleh David Kolb ialah kerangka teori yang diterima dan digunakan secara meluas. Kitaran pembelajaran pengalaman Kolb membahagikan proses pembelajaran kepada empat peringkat:

- i. Pengalaman Konkrit (Concrete Experience): Pelajar boleh berlatih dan cuba menyelesaikan masalah dengan menyertai aktiviti pembelajaran. Proses ini menekankan penyertaan individu dan penglibatan emosi pelajar.
- ii. Pemerhatian Reflektif (Reflective Observation): Pelajar boleh mengimbas kembali atau menyemak proses aktiviti secara individu atau berkumpulan, atau memerhatikan tingkah laku, reaksi dan perasaan orang lain untuk merangsang refleksi.
- iii. Pengkonsepsian Abstrak (Abstract Conceptualisation): Pelajar digalakkan untuk meneliti proses pembelajaran dan hasilnya, dan kemudian menggunakan pengalaman tersebut untuk mengubahnya menjadi pengetahuan atau teori.
- iv. Eksperimen Aktif (Active Experiment): Pelajar digalakkan untuk mentafsir semula konsep dan pengetahuan yang telah mereka pelajari berdasarkan kesimpulan yang telah mereka buat, dan cuba mempraktikkannya dalam situasi kehidupan sebenar yang lain.

c. Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif bermaksud pelajar membentuk kumpulan pembelajaran yang lebih daripada dua orang dan bekerjasama untuk mencapai matlamat pembelajaran. Model pembelajaran ini membolehkan pelajar membantu, berkongsi sumber, dan menyokong pembelajaran antara satu sama lain. Lima elemen berikut mesti terkandung dalam pendekatan pembelajaran koperatif:

- i. Saling bergantung positif (Positive interdependence): Pelajar merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada kumpulan dan hanya boleh mencapai matlamat apabila setiap ahli kumpulan bekerjasama.
- ii. Interaksi promotif secara bersemuka (Face-to-face promotive interaction): Interaksi bersemuka akan meningkatkan motivasi kumpulan dan menggalakkan keberkesanan pembelajaran. Pelajar dalam kumpulan boleh menyumbang kepada kejayaan masing-masing dalam pembelajaran, seperti memberi galakan kepada pencapaian pelajar lain dalam kumpulan, berusaha untuk menyelesaikan tugas, dan mencapai matlamat bersama.
- iii. Akauntabiliti individu (individual accountability): Kejayaan kumpulan adalah berdasarkan kejayaan setiap ahli kumpulan, dan setiap ahli kumpulan perlu menjalankan tanggungjawab dan mencapai prestasi individu tanpa mengambil kesempatan daripada situasi tersebut.
- iv. Kemahiran interpersonal dan kumpulan kecil (interpersonal and small group skills): Pertikaian tidak dapat dielakkan dalam proses kerjasama. Pelajar mesti belajar untuk

memahami dan mempercayai antara satu sama lain, berkomunikasi dengan jelas, menerima dan menyokong satu sama lain, dan menyelesaikan konflik.

- v. Pemprosesan kumpulan (group processing): Pelajar diberikan tempoh masa yang mencukupi untuk menganalisis fungsi kumpulan dan penggunaan kemahiran interpersonal, serta menekankan kepentingan muhasabah diri.

Guru juga boleh mengetahui lebih lanjut tentang pedagogi “berpusatkan pelajar” yang lain, seperti pembelajaran berasaskan situasi, pembelajaran berasaskan masalah, dan pembelajaran berasaskan projek, dan menggunakan pelbagai strategi pengajaran untuk menggalakkan pembelajaran yang berkesan.

8.2. Reka Bentuk Kurikulum Berorientasikan Literasi Antara Disiplin

Menurut Pei-Ying Chen dan pasukan ASK, “kurikulum berorientasikan literasi antara disiplin” ialah kurikulum berasaskan pemikiran dan tindakan yang inovatif dan sistematik, dengan matlamat untuk melengkapi pelajar dengan literasi untuk menyesuaikan diri dengan dunia masa hadapan. Ideanya adalah untuk mengubah ekologi pembelajaran dan budaya sistemik - daripada menambah baik sistem sedia ada kepada menginovasi sistem yang diperlukan untuk masa hadapan, bagi menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran dunia masa hadapan. Ini dijelaskan seperti berikut: i. “berpusatkan guru” ditukar kepada “berpusatkan pelajar”; ii. “penghafalan dan latihan berulang untuk mencapai kecekapan” ditukar kepada “pengintegrasian pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah kehidupan sebenar”; iii. “penyampaian pengetahuan dalam mata pelajaran yang berasingan” ditukar kepada “pembelajaran kolaboratif merentasi bidang”; iv. “boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran khusus untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tertentu” ditukar kepada “dapat menyelesaikan masalah yang kompleks dengan perspektif yang sistematik, serta memindahkan pembelajaran dan menjana inovasi yang berkesan. Proses reka bentuk kurikulum berorientasikan literasi antara disiplin terdiri daripada 5 peringkat dan 12 langkah:

- a. Menggariskan pelan tindakan kurikulum: meneroka isu atau fenomena; mengenal pasti skop pembelajaran berasaskan inkuiri
- b. Membangunkan konsep kurikulum: membangkitkan soalan utama; memilih konsep dan membangunkan generalisasi
- c. Menggubal objektif kurikulum: selaras dengan literasi teras; menetapkan objektif pembelajaran; mengenal pasti kandungan sukatan pelajaran (iaitu standard kurikulum)
- d. Mereka bentuk kandungan kurikulum: menentukan struktur kurikulum; merancang aktiviti pembelajaran; menggunakan strategi pembelajaran
- e. Menentukan kaedah penilaian: merancang tugasan prestasi; menentukan kriteria penilaian

9. Cadangan Pentaksiran

9.1. Standard Prestasi Kognitif, Psikomotor dan Afektif dalam Pengajian Liberal

“Standard Prestasi” merupakan penunjuk hasil pembelajaran berdasarkan domain dan perkara “Standard Pembelajaran” dengan menerangkannya dalam peringkat. Ia membantu guru menilai prestasi pelajar, dan juga membantu pelajar memahami tahap pembelajaran mereka sendiri.

Domain	Perkara	Peringkat	Standard Prestasi
Kognitif (C)	Ca Pengetahuan Faktual dan Konseptual	1 Mengingati	Menghafal fakta dan konsep yang dipelajari dan dapat mengenal pasti, mentakrifkan, menghuraikan, dsb.
		2 Memahami	Memahami fakta dan konsep yang dipelajari serta boleh memberi contoh, menerangkan, membandingkan, dsb.
		3 Mengaplikasi	Mengaplikasikan fakta dan konsep yang dipelajari untuk menghubungkan situasi kehidupan, menyelesaikan masalah, dsb.
		4 Menganalisis	Menganalisis fakta dan konsep yang dipelajari dan dapat mengenal pasti, mengaitkan, membuat kesimpulan, dsb.
		5 Menilai	Menilai fakta dan konsep yang dipelajari dan dapat membandingkan, menguji, merumuskan, dsb.
		6 Mereka cipta	Mengintegrasikan fakta dan konsep untuk mencipta rancangan, konteks, rangka kerja baharu, dsb.
	Cb Pengetahuan Prosedural	1 Mengingati	Menghafal kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi.
		2 Memahami	Memahami kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi, dan dapat menerangkannya.
		3 Mengaplikasi	Mengaplikasikan kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi.
		4 Menganalisis	Mengintegrasikan kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi untuk menganalisis strategi penyelesaian masalah yang berpotensi.

Domain	Perkara	Peringkat	Standard Prestasi
		5 Menilai	Menilai dan memilih kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi yang sesuai sebagai strategi penyelesaian masalah.
		6 Mereka cipta	Mengkaji dan menambah baik kaedah literasi maklumat, pemikiran logik, pembelajaran sosial dan emosi, serta dialog dan kolaborasi untuk membentuk strategi penyelesaian masalah yang lebih berkesan.
	Cc Pengetahuan Metakognitif	1 Mengingati	Menghafal kaedah pemeriksaan, refleksi dan integrasi yang dipelajari, dan dapat mengenal pasti, mentakrifkan, menghuraikan, dsb.
		2 Memahami	Memahami kaedah pemeriksaan, refleksi dan integrasi yang dipelajari, serta dapat menerangkan, memberi contoh, membandingkan, dsb.
		3 Mengaplikasi	Mengaplikasikan kaedah pemeriksaan, refleksi dan integrasi untuk meneroka isu dan fenomena, menghubungkan pengetahuan, menukar perspektif, dsb.
		4 Menganalisis	Menganalisis kaedah pemeriksaan, refleksi dan integrasi yang dipelajari, dan boleh memilih, membahagi dan menyusunkannya.
		5 Menilai	Menilai kaedah pemeriksaan, refleksi dan integrasi yang dipelajari, dan boleh mengulas, menyemak dan membandingkannya.
		6 Mereka cipta	Dapat membina kaedah, konteks dan rangka kerja untuk pemeriksaan, refleksi dan integrasi dengan mengikut isu dan fenomena yang berbeza.
	Psikomotor (P)	1 Meniru	Meniru kemahiran sosial dan emosi dengan sewajarnya.
		2 Manipulasi	Mengaplikasikan kemahiran sosial dan emosi dengan sewajarnya.
		3 Ketepatan	Mahir dalam mengaplikasikan kemahiran sosial dan emosi.

Domain	Perkara	Peringkat	Standard Prestasi
		4 Artikulasi	Mengaplikasikan kemahiran sosial dan emosi secara fleksibel dalam situasi yang berbeza.
		5 Naturalisasi	Mengaplikasikan kemahiran sosial dan emosi secara natural serta dapat menunjukkan ciri-ciri peribadi.
	Pb Dialog dan Kolaborasi	1 Meniru	Meniru kemahiran dialog dan kolaborasi dengan sewajarnya.
		2 Manipulasi	Mengaplikasikan kemahiran dialog dan kolaborasi dengan sewajarnya.
		3 Ketepatan	Mahir dalam mengaplikasikan kemahiran dialog dan kolaborasi.
		4 Artikulasi	Mengaplikasikan kemahiran dialog dan kolaborasi secara fleksibel dalam situasi yang berbeza untuk mencapai dialog dan kolaborasi yang berkesan.
		5 Naturalisasi	Mengaplikasikan kemahiran dialog dan kolaborasi secara natural untuk menggalakkan interaksi dan kerjasama yang baik.
	Pc Penyelesaian Masalah dan Amalan	1 Meniru	Meniru kemahiran penyelesaian masalah dengan sewajarnya.
		2 Manipulasi	Mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah dengan sewajarnya.
		3 Ketepatan	Mahir dalam mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah.
		4 Artikulasi	Mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah secara fleksibel dalam situasi yang berbeza untuk mencapai penyelesaian masalah dan amalan yang berkesan.
		5 Naturalisasi	Mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah secara natural untuk menyelesaikan masalah, mengambil tindakan atau menyelesaikan tugas dengan berkesan.
Afektif (A)	Aa Kesedaran Emosi dan Keprihatinan Empati	1 Menerima	Sedar dan empati dengan emosi diri sendiri dan orang lain.

Domain	Perkara	Peringkat	Standard Prestasi
		2 Menanggapi	Bersedia untuk memerhati dan bertindak balas terhadap emosi diri sendiri dan orang lain, serta berprihatin dan bersifat empati.
		3 Menilai	Menegaskan kepentingan dan nilai emosi kepada seseorang, serta kepentingan empati dan prihatin dalam hubungan interpersonal dan masyarakat.
		4 Mengorganisasikan	Mengiktiraf kepentingan dan nilai emosi kepada seseorang, serta kepentingan empati dan prihatin dalam hubungan interpersonal dan masyarakat, dan boleh mengintegrasikan dan menegakkan nilai dan kepercayaan yang berkaitan.
		5 Karakteristik	Mengiktiraf kepentingan dan nilai emosi kepada seseorang, serta kepentingan empati dan prihatin dalam hubungan interpersonal dan masyarakat; membentuk nilai dan kepercayaan diri berdasarkan asas ini; dan boleh menunjukkannya secara natural dalam perkataan dan perbuatan diri sendiri.
	Ab Pemikiran Rasional dan Celik Maklumat	1 Menerima	Mengetahui pemikiran rasional dan celik maklumat.
		2 Menanggapi	Menerima pemikiran rasional dan celik maklumat.
		3 Menilai	Menegaskan kepentingan dan nilai pemikiran rasional dan celik maklumat, dan bersedia untuk mempraktikkannya.
		4 Mengorganisasikan	Mementingkan dan menegakkan kepentingan dan nilai pemikiran rasional dan celik maklumat, dan bertegas untuk mempraktikkannya.
		5 Karakteristik	Mengkaji kepentingan dan nilai pemikiran rasional dan celik maklumat, dan mengiktirafnya sebagai cara yang diperlukan untuk kognisi.

Domain	Perkara	Peringkat	Standard Prestasi
	Ac Tanggungjawab Sosial dan Literasi Kemanusiaan	1 Menerima	Menyedari dan mengetahui tanggungjawab sosial dan literasi kemanusiaan.
		2 Menanggapi	Menerima dan menyesuaikan diri dengan tanggungjawab sosial dan literasi kemanusiaan.
		3 Menilai	Menegaskan kepentingan dan nilai tanggungjawab sosial dan literasi kemanusiaan, dan bersedia untuk mempraktikkannya.
		4 Mengorganisasikan	Mementingkan dan menegaskan kepentingan dan nilai tanggungjawab sosial dan literasi kemanusiaan, dan bertegas untuk mempraktikkannya.
		5 Karakteristik	Mengiktiraf dan meneliti kepentingan dan nilai tanggungjawab sosial dan literasi kemanusiaan, dan mengintegrasikannya secara natural ke dalam kehidupan sendiri untuk membentuk sistem nilai dan kepercayaan yang bersifat sejagat dan peribadi.

Contoh Hubungan antara Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (1)

Standard Pembelajaran Standard Kandungan	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
	CaI Menguasai pengetahuan faktual tentang fenomena, elemen, butiran dan lain-lain.	PbI Boleh menyatakan pandangan diri secara teratur dan logik serta disokong oleh hujah, sambil boleh memahami ungkapan orang lain dengan betul, dan menggalakkan pemahaman dengan menjelaskan pandangan masing-masing.	AbI Bersedia untuk mengetepikan prasangka peribadi, meneliti fakta, konsep dan fenomena dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan kritikan dan inkuiri.
Tema Teras: Diri dan Komuniti 3.1.1. Bagaimanakah kita menjadi “makhluk sosial”? Apakah agen utama sosialisasi?	Mengenali proses sosialisasi dan agen utamanya	Boleh membincangkan proses sosialisasi dengan orang lain dan merumuskan agen utama sosialisasi	Bersedia untuk meneliti proses sosialisasi dan agen utamanya dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan inkuiri
Standard Prestasi	Menganalisis proses sosialisasi dan mengenal pasti agen utama sosialisasi (C4 Menganalisis)	Mahir dalam mengaplikasikan kaedah dialog yang sesuai untuk membincangkan proses sosialisasi dengan orang lain, dan bersama-sama merumuskan agen utama sosialisasi (P3 Ketepatan)	Bersedia menerima untuk meneliti proses sosialisasi dan agen utamanya dengan sikap rasional dan terbuka, serta berasaskan inkuiri (A2 Menanggapi)

Contoh Hubungan antara Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (2)

Standard Pembelajaran Standard Kandungan	Kognitif (C)	Psikomotor (P)	Afektif (A)
	CbI Menguasai kaedah literasi maklumat dan pemikiran logik	PbII Mengenali ciri-ciri ahli pasukan, mencari model kerjasama pasukan, menerima dan mengintegrasikan pendapat yang berbeza, menengahi konflik dan menyelesaikan tugas bersama-sama.	AbII Bersedia untuk menyemak dan menilai maklumat yang diperlukan, membezakan kesahihan daripada kepalsuan, membetulkan kepalsuan, dan menyebarkan maklumat yang benar dan munasabah.
Tema Teras: Negara dan Kerajaan 1.2.1. Apakah persamaan dan perbezaan antara sistem pemerintahan di Malaysia dengan negara demokrasi yang lain?	Mengetahui cara mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi yang berbeza	Berkeupayaan untuk bekerja sebagai satu pasukan untuk mengintegrasikan idea dan mengenal pasti persamaan dan perbezaan sistem pemerintahan demokrasi yang berbeza	Bersedia untuk menyemak maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi dengan teliti, mengenal pasti kebenaran dan hanya berkongsi maklumat yang relevan dan betul selepas pengesahan
Standard Prestasi	Menilai dan memilih kaedah untuk mengumpul maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi yang berbeza (C5 Menilai)	Meneliti model kerjasama dalam proses mengumpul dan menyusun maklumat, dan melaraskan strategi mengikut keperluan (P4 Artikulasi)	Menegaskan kepentingan celik maklumat dengan menyemak maklumat mengenai sistem pemerintahan demokrasi dengan teliti, mengenal pasti kebenaran dan hanya berkongsi maklumat yang relevan dan betul selepas pengesahan (A3 Menilai)

9.2. Selain menggunakan “Standard Prestasi”, pentaksiran juga harus berdasarkan “Teori Kecerdasan Pelbagai” (Multiple Intelligences) yang dicadangkan oleh Howard Gardner. Kaedah pentaksiran termasuk ujian bertulis, latihan kerja rumah, kajian lapangan, projek berasaskan inkuiri, pembentangan, persembahan, laporan lisan, kuiz, pembelajaran perkhidmatan dan sebagainya.

9.3. Pentaksiran hendaklah merangkumi kedua-dua pentaksiran formatif dan sumatif supaya pelajar dapat mengetahui status pembelajaran mereka sendiri dan mengembangkan keupayaan untuk menilai diri dan belajar dengan lebih berkesan.

9.4. Guru dikehendaki menganalisis hasil pentaksiran yang dijalankan untuk refleksi dan penyelarasan pengajaran dan pembelajaran, serta untuk penambahbaikan kurikulum atau langkah-langkah pentadbiran sekolah.

9.5. Selain daripada guru, pelajar juga digalakkan untuk menjalankan penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya.

10. Pelaksanaan

Elemen utama pelaksanaan kurikulum Pengajian Liberal dihuraikan dari segi empat aspek: pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran, sokongan sekolah dan komuniti, dan pembangunan profesional guru.

10.1. Pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran

Prinsip-prinsip berikut harus digunakan untuk pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran untuk kurikulum Pengajian Liberal:

- a. Selaras dengan idea dan matlamat kurikulum.
- b. Menekankan perkaitan dan integrasi antara disiplin, yang boleh mengintegrasikan perspektif dan konteks disiplin yang berbeza serta mengekalkan ciri-ciri disiplin, dan memudahkan pembelajaran merentas disiplin dengan berkesan.
- c. Selaras dengan konteks kontemporari dan bersedia untuk masa depan, menghubungkan pengalaman hidup pelajar dan trend sosial, dan mempertimbangkan kepelbagaian kumpulan etnik dan budaya.
- d. Menekankan pembelajaran nilai sejagat seperti kesaksamaan dan keadilan, pluralisme dan toleransi, pembangunan mampan dan sebagainya, serta boleh meneliti dan membuat refleksi tentang stereotaip, prasangka dan diskriminasi yang tersembunyi.
- e. Menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan mengambil kira perkembangan fizikal dan mental pelajar, keperluan individu, minat dan gaya pembelajaran, dsb.
- f. Menghubungkan ciri-ciri kebudayaan dan alam semula jadi tempatan, serta sumber komuniti untuk mendekati situasi kehidupan sebenar.

10.2. Sumber pengajaran dan pembelajaran

- a. Pihak sekolah harus menyediakan ruang pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi mengikut keperluan guru dan pelajar, serta mempertingkatkan kemudahan dan sumber pengajaran yang diperlukan, seperti buku, bahan audio-visual, alat bantu mengajar, sumber Internet, dsb.
- b. Pihak sekolah harus mementingkan penggunaan sumber komuniti dengan menjemput orang ramai dan organisasi daripada komuniti untuk bekerjasama dan menjadikan komuniti sebagai ruang pembelajaran bagi menggiatkan dan mendalami kurikulum dan pengajaran, serta memperkayakan pengalaman dan perspektif pelajar.
- c. Dong Zong akan menyediakan platform sumber pengajaran dalam talian untuk menyokong pembangunan kurikulum dan pengajaran, dan menjemput guru untuk bersama-sama memperkayakan kandungan platform tersebut.

10.3. Sokongan sekolah dan komuniti

- a. Peringkat sekolah: Pihak pentadbiran sekolah harus mementingkan dan menyokong kurikulum dengan menyediakan ruang pengajaran dan pembelajaran, serta melaburkan sumber yang mencukupi, termasuk pelbagai kemudahan pembelajaran dan sumber manusia.
- b. Peringkat ibu bapa: Ibu bapa boleh memahami idea dan matlamat kurikulum dan menyokong serta mengambil bahagian dalam pembelajaran anak-anak mereka.
- c. Peringkat komuniti: Komuniti boleh memberikan sokongan untuk pembelajaran, termasuk sumber kewangan, ruang, kepakaran dan pengalaman, dan bekerjasama dengan sekolah untuk mewujudkan budaya dan identiti komuniti serta meningkatkan suasana pembelajaran.

10.4. Pembangunan profesional guru

- a. Guru harus berkemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran merentas disiplin, bersikap terbuka kepada kepercayaan dan nilai yang berbeza, dan boleh berdialog dengan pelajar.
- b. Dong Zong akan mengadakan kursus dan bengkel untuk menyokong pembangunan profesional guru, dan menggalakkan sekolah untuk menyediakan sumber dan peluang latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman guru tentang pelbagai isu.
- c. Membentuk dan mengukuhkan komuniti pembangunan profesional guru demi menambah baik kurikulum dan penyediaan rancangan pengajaran, menyelesaikan dilema pengajaran, meningkatkan profesionalisme sendiri, belajar daripada satu sama lain, menyokong satu sama lain dan berkembang bersama-sama.

11. Lampiran

Lampiran 1: Domain Kognitif, Psikomotor dan Afektif

